

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

KARNIVAL INTEGRITI DAN ANTI RASUAH 2025 PUPUK NILAI MURNI DALAM KALANGAN MAHASISWA UiTM MUKAH

Penulis: Nur Ain Abu Bakar & Mohd Nur Faizal Tari

Mukah, 8 Januari 2025 – Lebih 240 mahasiswa semester 2 dan 3 dari UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah membuktikan komitmen mereka terhadap usaha memerangi rasuah menerusi penganjuran Karnival Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) 2025 yang berlangsung dengan penuh semangat di Dewan Sri Balau kampus tersebut. Karnival yang dianjurkan oleh pelajar kursus kokurikulum Integriti dan Anti Rasuah (HGD344) dan Pengurusan Acara (HGK111) dengan kerjasama Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Kampus Mukah ini bertujuan untuk memperkukuhkan semangat integriti, memperluaskan kefahaman tentang kesan rasuah, dan memberikan latihan langsung kepada para pelajar dalam pengurusan majlis dan acara rasmi.



Gimik perasmian karnival

Majlis dirasmikan oleh Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Dr. Abdul Jabbar Abdullah, dan menampilkan ceramah utama oleh Puan Suzita Marikan, Penolong Kanan Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sib.

Ceramah Anti-Rasuah Tarik Perhatian Mahasiswa

Puan Suzita telah menyampaikan ceramah bertajuk "Perangi Rasuah: Lapor, Cegah dan Inisiatif Kerajaan" serta "Institusi Sosial dalam Pembudayaan Integriti dan Anti Rasuah". Ceramah ini memberi gambaran menyeluruh tentang mekanisme SPRM dalam membanteras rasuah serta peranan golongan belia dalam membentuk masyarakat yang beretika dan berintegriti. "Setiap mahasiswa adalah duta integriti. Rasuah bukan sekadar isu undang-undang, tetapi juga soal moral dan masa depan negara," jelas beliau dalam sesi ceramah tersebut.

Platform Latihan Amali dan Kesedaran Sosial

Selain ceramah, pelbagai aktiviti interaktif telah dijalankan termasuk pertandingan Video Hebahan Khidmat Awam (*Public Service Announcement - PSA*), poster kajian kes, kuiz, dan permainan kesedaran integriti. Aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mempraktikkan ilmu pengurusan acara sambil mempersembahkan mesej-mesej kreatif berkaitan bahaya rasuah dan pentingnya nilai amanah. Tayangan video PSA dan montaj perjalanan KIAR menjadi tumpuan utama, sebelum majlis penutup diserikan dengan gimik perasmian dan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

NEWS AND ARTICLES

KARNIVAL INTEGRITI DAN ANTI RASUAH 2025 PUPUK NILAI MURNI DALAM KALANGAN MAHASISWA UiTM MUKAH (samb.)

Keterlibatan Menyeluruh Warga Kampus

Majlis turut menyaksikan penyertaan aktif daripada tenaga pengajar dan pelajar, diketuai oleh Penyelaras Karnival, Cik Nur Ain Abu Bakar, serta sokongan penuh daripada Pegawai Eksekutif Hal Ehwal Pelajar, Encik Mohd Ismail Hajani. Struktur organisasi dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dari HGK111 (Pengurusan Acara) yang melibatkan lebih 20 ahli jawatankuasa merangkumi AJK teknikal, makanan, protokol dan pengurusan lokasi.

Dr. Abdul Jabbar, Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dalam ucapan perasmian penutup telah mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dan berharap nilai-nilai yang diterapkan sepanjang program dapat diteruskan dalam kehidupan harian pelajar. "Program seperti Karnival Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) ini harus dijadikan amalan tahunan di kampus. Kita mahu mahasiswa UiTM bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga unggul dari segi sahsiah dan integriti," ujar beliau.

Pengiktirafan dan Implikasi Positif



Sesi ceramah integriti dan anti rasuah oleh Pegawai SPRM

Setiap peserta yang terlibat diberikan sijil penyertaan, manakala para pemenang menerima hadiah wang tunai sebagai pengiktirafan kreativiti dan mesej berimpak tinggi yang disampaikan. Menurut salah seorang peserta, Muhammad Hafiz dari kursus HGK111, "KIAR bukan sekadar program akademik, tetapi medan latihan nilai hidup sebenar. Kami belajar bekerja dalam pasukan, mengurus masa, dan memahami bahawa integriti adalah asas kepercayaan dalam semua aspek kehidupan".

Tuntasnya, Karnival Integriti dan Anti Rasuah 2025 membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi mampu menjadi peneraju dalam usaha membentuk masyarakat bebas rasuah. Dengan penglibatan aktif mahasiswa, bimbingan pensyarah serta kerjasama strategik bersama agensi seperti SPRM, program seperti ini wajar diperluas ke seluruh negara.

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah melalui KIAR telah menunjukkan contoh bagaimana nilai integriti dapat dipupuk, disemai dan dihayati melalui pendekatan pendidikan berimpak tinggi dan menyeluruh.